

12 NOV 1998  
MAHATHIR-OHMAE/I  
MAHATHIR NAFI PELETAKAN JAWATAN OHMAE

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan Dr Kenichi Ohmae meletakkan jawatan daripada Panel Penasihat Koridor Raya Multimedia (MSC) tetapi beliau tidak pasti kedudukan Alvin Toffler.

"Saya tidak tahu kedudukan Alvin Toffler tetapi saya pasti mengenai Kenichi, beliau tidak meletakkan jawatan," katanya kepada pemberita selepas pelancaran dua model baru Perdana dan Satria oleh Proton, di sini.

Dr Mahathir berkata mana-mana perletakan jawatan oleh anggota panel tidak akan menjejaskan projek MSC.

Perdana Menteri mengulas mengenai satu laporan Far Eastern Economic Review yang menyatakan Dr Ohmae dan Toffler telah meletakkan jawatan kerana pendirian mereka terhadap bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Toffler adalah pengarang antara buku terlaris iaitu "The Future Shock" dan "The Third Wave", manakala Ohmae, konsultan teknologi maklumat adalah pengarang buku "The Borderless World".

MSC adalah zon teknologi khas yang terletak di selatan Kuala Lumpur yang dimajukan bagi pengeluaran produk dan perkhidmatan multimedia.

-- BERNAMA  
MAM ZK MA